

# **BAB 3**

## **HALA TUJU STRATEGIK**

# VISI MDGM

## KE ARAH MENJADIKAN MAJLIS DAERAH GUA MUSANG SEBUAH PBT YANG MAJU, MAKMUR DAN SEJAHTERA MENJELANG 2015.

Sejak 10 tahun kebelakangan ini, Bandar Gua Musang telah mengalami tekanan pembangunan yang semakin meningkat terutama di sektor perumahan dan perindustrian.

Selaras dengan tren masa kini dan potensi pembangunan masa depan, visi Majlis Daerah Gua Musang adalah *ke arah menjadikan majlis daerah gua musang sebuah pbt yang maju, makmur dan sejahtera menjelang 2015.*

Disamping itu juga, ia memainkan peranannya sebagai pusat perkhidmatan utama daerah yang mempunyai saiz penduduk dan kemudahan prasarana yang lengkap dan maju. Ianya juga akan berfungsi sebagai Pusat Pentadbiran, Pusat Perdagangan dan Pusat Prindustrian bagi Jajahan Kelantan Selatan Negeri Kelantan

## MISI MDGM

### MENJADIKAN KAWASAN PENTADBIRAN BANDAR TERANCANG, BERSIH, SIHAT, SEJAHTERA DAN BERBUDAYA

Bagi merealisasikan visi yang ditetapkan, misi perlu dibentuk atau diwujudkan kerana misi adalah penentu kejayaan sesuatu visi yang ditetapkan. MDGM telah menetapkan misinya iaitu *menjadikan kawasan pentadbiran bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya.*

Misi ini akan membantu berjayanya visi yang diwujudkan. Menjelang tahun 2015 MDGM berhasrat dapat menjadikan kawasan pentadbirannya bandar terancang, bersih, sihat, sejahtera dan berbudaya akan dapat dinikmati oleh penghuninya.

## MOTO MDGM

### MERINTIS KEGEMILANGAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

MDGM berhasrat dapat *merintis kegemilangan penyampaian perkhidmatan perbandaran* kepada semua lapisan penghuninya tidak kira golongan, budaya dan agama. Moto ini perlu ada dan disemai oleh setiap wargakerja MDGM.

# PIAGAM PELANGGAN MDGM

1. Memberi layanan yang mesra dan sentiasa bersedia memberi pertolongan apabila berurusan dengan kami
2. Satu persekitaran yang bersih, nyaman dan indah bagi nikmati oleh setiap penghuni.
3. Kami akan meluluskan permohonan mendirikan kilang dan rumah persendirian dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan dengan syarat mendapat sokongan dari jabatan-jabatan berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.
4. Memberi kelulusan membaiki rumah persendirian dalam tempoh 3 bulan dengan syarat permohonan tersebut memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
5. Kami akan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) 2 minggu dari tarikh permohonan dikemukakan dengan syarat disertakan sokongan dari lain-lain jabatan yang diperlukan.
6. Memberi perkhidmatan perbandaran yang cekap, cepat dan berkualiti kepada pelanggan/ warga melalui sistem pengawasan yang teratur dan berkesan dalam usaha memastikan Bandar Gua Musang sentiasa bersih, indah dan ceria.
7. Responsif kepada kehendak warga dalam menyediakan kemudahan awam yang berkualiti. Memastikan kerja-kerja pembaikan kecil kepada infrastruktur asas dilaksanakan segera dalam jangkamasa 14 hari hingga 30 hari.

# NILAI BERSAMA MDGM

Warga MDGM berpegang kepada lima nilai bersama dalam melaksanakan misinya ke arah pencapaian visi yang ditetapkan.

## *Kerja Berpasukan*

Menggembeling tenaga, pengetahuan dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

## *Berintegriti*

Berkhidmat dengan penuh komitmen dan rasa tanggungjawab terhadap kualiti output yang dihasilkan berasaskan etika kerja cemerlang dan tingkahlaku yang amanah.

## *Strategik*

Bertindak secara strategik dalam mengesan, mengubal, memperaku dan melaksana cadangan penambahbaikan atau penyelesaian bagi mencapai outcome yang optimum, tepat dan berkesan.

## *Responsif*

Peka dan prihatin kepada kehendak stakeholders dan keperluan pelanggan disamping memahami isu-isu senario semasa dan cepat dalam mencari penyelesaian terbaik.

## *Profesional*

Bertindak dengan penuh komitmen dengan memanfaatkan kompetensi dan kepakaran spesifik apabila mencadangkan penyelesaian dan penambahbaikan bagi setiap masalah.

# OBJEKTIF STRATEGIK MDGM

Lima objektif strategik utama dikenal pasti bagi membantu MDGM dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta menangani cabaran-cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.

*Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*  
Memperkukuhkan sumber manusia dengan menyediakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia, memantapkan pengurusan prestasi pekerja melalui laporan prestasi. Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif melalui amalan 5S serta meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat bagi memudahkan pekerja menjalankan tugas.

*Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan Pembudayaan Nilai-nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan Organisasi*  
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman melalui penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni serta konsep ibadah dalam Islam dalam menjalankan tugas serta mengoptimumkan kos operasi. Selain itu pemantapan sistem prosedur kerja hendaklah diukur dari segi pemakaian dan keberkesanan peraturan/undang-undang dengan menambahbaik sistem sediaada. Bagi memperkasakan tadbir urus organisasi dan pembudayaan nilai-nilai murni, keberkesanan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan dengan mewujudkan kod etika kerja dan amalan terbaik penguatkuasaan melalui tindakan penguatkuasaan bersepadu serta kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasa hendaklah dipertingkatkan.

***Menentukan Perancangan Pembangunan Selaras Dengan Pelan Rancangan Struktur Dan Rancangan Tempatan***

Perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan mestilah mengikut apa yang telah ditetapkan dalam pelan rancangan struktur dan rancangan tempatan supaya ia tidak bercanggah dan memenuhi tuntutan kehendak perancangan dan keperluan dan kepuasan pelanggan.

***Memperbanyakkan Kemudahan Dan Infrastruktur Awam Bagi Mempertingkatkan Kualiti Hidup Masyarakat***

Perancangan dan pembangunan kemudahan dan infrastruktur awam hendaklah diperbanyakkan hingga meliputi seluruh kawasan pentadbiran MDGM menjelang 2015 bagi menjamin dan dapat mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat. Kemudahan dan infrastruktur yang dibangunkan mestilah dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan termasuk golongan kurangupaya.

***Mempertingkatkan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam Bagi Tujuan Mengekalkan Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat***

Keselamatan dan ketenteraman awam hendaklah diambilkira dalam menjayakan visi dan misi yang ditetapkan dengan tujuan dapat mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Kawalan, pengawasan dan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya keselamatan dan keharmonian dapat diwujudkan.

# PELAN TINDAKKAN



## **OBJEKTIF STRATEGIK 1:**

*Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*

### **STRATEGI 1:**

Memperkukuhkan sumber manusia.

### **PELAN TINDAKAN**

1. Menyediakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia
2. Meningkatkan tahap kompetensi kakitangan
3. Memantapkan pengurusan prestasi kakitangan

### **STRATEGI 2:**

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif

### **PELAN TINDAKAN**

1. Amalan 5S
2. Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat
3. Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan

### **STRATEGI 3:**

Memantapkan pembangunan operasi dan organisasi

### **PELAN TINDAKAN**

1. Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pengurusan dan pekerja
2. Memantapkan penghayatan fungsi, diskripsi tugas dan budaya organisasi cemerlang
3. Memperkukuhkan struktur dan skim perkhidmatan organisasi

### **STRATEGI 3:**

Memantapkan keupayaan kutipan hasil

### **PELAN TINDAKAN**

1. Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil
2. Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil

## **OBJEKTIF STRATEGIK 1:**

*Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Memperkukuhkan sumber manusia	Menyediakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Dokumen pengurusan sumber manusia yang lengkap	Januari 2015
	Meningkatkan tahap kompetensi kakitangan	Tahap kompetensi pekerja	20% pekerja mendapat PTK Aras IV setiap tahun
	Memantapkan pengurusan prestasi kakitangan	Laporan prestasi	80% pekerja mendapat 90 markah (cemerlang) setahun

## **OBJEKTIF STRATEGIK 1:**

*Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	<p>Amalan 5S</p> <p>Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat</p> <p>Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan</p> <p>Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pengurusan dan pekerja</p>	<p>Pensijilan</p> <p>Tahap kepuasan pekerja</p>	<p>Setiap tahun</p> <p>Tidak kurang 80% setiap tahun</p>

## OBJEKTIF STRATEGIK 1:

### *Memantapkan Keupayaan Dan Kapasiti Organisasi Bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Memantapkan pembangunan operasi dan organisasi	Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang  Memperkukuhkan struktur dan skim perkhidmatan organisasi	Penarafan dalam Star Rating PBT	Sekurang-kurangnya mendapat 4 bintang (2015)
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	Meningkatkan kecekapan sistem pemantauan kutipan hasil  Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran  Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak	Wujud kaedah baru dan pelbagai  Jumlah kutipan hasil  Jumlah kutipan hasil tertunggak	Tahun 2011 wujud kaedah baru pungutan hasil  Kutipan melebihi 70% dari anggaran tahun 2015  Jumlah kutipan melebihi 50% keseluruhan hasil tertunggak tahun 2015

## **OBJEKTIF STRATEGIK 2 :**

*Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan  
Pembudayakan Nilai-nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan  
Organisasi*

### **STRATEGI 1:**

Memperkasakan tadbir urus.

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mewujudkan Pelan Integriti dan Kod Etika Organisasi
2. Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni serta konsep ibadah dalam Islam
3. Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman

### **STRATEGI 2:**

Memantapkan sistem dan prosedur kerja

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan/undang-undang sedia ada
2. Merekayasa dan menambahkan baik sistem dan prosedur kerja perkhidmatan

### **STRATEGI 3:**

Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mewujudkan kod etika kerja dan amalan terbaik penguatkuasaan
2. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu
3. Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan

### **STRATEGI 4:**

Memantapkan pengurusan kewangan

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mengoptimumkan kos operasi organisasi
2. Mengamalkan perbelanjaan berhemah

## OBJEKTIF STRATEGIK

2 :

### *Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan Pembudayakan Nilai-nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan Organisasi*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Memperkasakan tadbir urus.	Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kawalan dalaman  Mewujudkan Pelan Integriti dan Kod Etika Organisasi  Mengoptimalkan kos operasi  Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni serta konsep ibadah dalam Islam	Indeks Akauntabiliti  Audit Nilai  Prestasi pembelanjaan dan kutipan hasil  Bilangan kes tatatertib  Indeks Persepsi Pelanggan	Sekurang-kurangnya 4 bintang (2015)  Sijil Audit bersih setiap tahun  Penurunan kes tatatertib sebanyak 30% setiap tahun  80% pelanggan berpandangan positif terhadap MDGM tahun 2015

## OBJEKTIF STRATEGIK

2 :

### *Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan Pembudayakan Nilai-nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan Organisasi*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Memantapkan sistem prosedur kerja	Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan/undang-undang sedia ada  Merekayarasa dan menambahkan baik sistem dan prosedur kerja	Tahap kepuasan pelanggan  Bilangan prosedur yang dapat disemak dan ditambah baik	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun  70% prosedur kerja berjaya disemak dan ditambah baik
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	Mewujudkan kod etika kerja dan amalan terbaik penguatkuasaan  Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu  Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan	Jumlah kes yang disabitkan	Jumlah kes yang tidak dapat disabitkan tidak melebihi 10% setahun

## **OBJEKTIF STRATEGI 2 :**

*Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Dan  
Pembudayakan Nilai-nilai Murni Ke Arah Kecemerlangan  
Organisasi*

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Memantapkan pengurusan kewangan	Mengoptimumkan kos operasi organisasi	Prestasi perbelanjaan	Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan pada tahun 2015
	Mengamalkan perbelanjaan berhemah	Jumlah penjimatan	Peningkatan 30% penjimatan pada setiap tahun



## **OBJEKTIF STRATEGIK 3 :**

*Menentukan Perancangan Pembangunan Selaras Dengan Pelan Rancangan Struktur Dan Pelan Rancangan Tempatan*

### **STRATEGI 1:**

Pelan Perancangan dan Pembangunan hendaklah dipatuhi

### **PELAN TINDAKAN**

1. Wujudkan Pelan Perancangan Pembangunan Bandar Gua Musang.
2. Pematuhan kepada Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.
3. Menjalankan kajian semula ke atas pelan pembangunan bandar.
4. Meningkatkan tahap kepakaran dan profesionalisme

## OBJEKTIF STRATEGIK

3 :

*Menentukan Perancangan Pembangunan Selaras Dengan Pelan Rancangan Struktur Dan Pelan Rancangan Tempatan*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Pelan Perancangan dan Pembangunan hendaklah dipatuhi	Mengemaskini Pelan Perancangan Pembangunan Bandar Gua Musang  Pematuhan kepada Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan	Kertas kerja Pelan Perancangan  Tahap kepuasan pelanggan	Sudah tersedia  Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun
	Tahap kepakaran dan profesionalisme	Audit Nilai	Peningkatan tahap kepakaran 20% setiap tahun

## **OBJEKTIF STRATEGIK 4:**

*Memperbanyak Kemudahan Dan Infrastruktur Awam Bagi Mempertingkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*

### **STRATEGI 1:**

Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur.
2. Memperbanyak kawasan rekreasi sebagai pusat aktiviti fizikal, sosial dan kebudayaan.
3. Mempermudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.

### **STRATEGI 2:**

Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam
2. Mempertingkatkan Pengurusan Sistem Pengurusan Aset

### **STRATEGI 3:**

Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan berbudaya

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Meningkatkan penghayatan dan gaya hidup sihat
2. Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan dan kesedaran penjagaan alam sekitar

## OBJEKTIF STRATEGIK

4:

### *Memperbanyak Kemudahan Dan Infrastruktur Awam Bagi Mempertingkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	<p>Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur Awam Yang komprehensif</p> <p>Memperbanyak kawasan rekreasi sebagai pusat aktiviti fizikal, sosial dan kebudayaan.</p> <p>Memperudahkan proses penyediaan kemudahan dan infrastruktur oleh jabatan/agensi kerajaan dan pihak berkepentingan.</p>	<p>Pelan Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur</p> <p>Bilangan kawasan dan pusat yang diwujudkan</p> <p>Tahap kepuasan pelanggan</p>	<p>Pelan disiapkan pada tahun 2011</p> <p>3kawasan/pusat baru diwujudkan</p> <p>Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun</p>

## OBJEKTIF STRATEGIK

4:

### *Memperbanyakkan Kemudahan Dan Infrastruktur Awam Bagi Mempertingkatkan Kualiti Hidup Masyarakat*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Memperkukuhkan pengurusan aset dan fasiliti awam	Membangunkan Pelan Penyelenggaraan Fasiliti Awam	Kos penyelenggaraan	Penurunan 30% kos penyelenggaraan
	Mempertingkatkan Pengurusan Sistem Pengurusan Aset	Jangka hayat aset dan kemudahan	Peningkatan 30% jangka hayat aset dan kemudahan
Membangunkan masyarakat yang sihat fizikal, mental dan berbudaya	Meningkatkan penghayatan dan gaya hidup sihat	Indeks Kesihatan	Peningkatan 40% indeks kesihatan tahun 2015
	Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan dan kesedaran penjagaan alam sekitar	Indeks Kualiti Hidup	Peningkatan 40% indeks kualiti hidup tahun 2015

## **OBJEKTIF STRATEGIK 5 :**

*Mempertingkatkan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam Bagi Tujuan Mengekalkan Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat*

### **STRATEGI 1:**

Mempertingkatkan agenda perpaduan masyarakat

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mengaktifkan Jawatankuasa Keselamatan Daerah.
2. Menyediakan kemudahan sosial secara adil dan seimbang dengan taburan penduduk.

### **STRATEGI 2:**

Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkempenangan

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mewujudkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan dengan Kerajaan, NGO's serta pihak swasta.
2. Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepekaan dengan MD yang bersempadan.

### **STRATEGI 3:**

Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program MDGM.

#### **PELAN TINDAKAN**

1. Mewujudkan Pusat Info dan Maklum Balas Komuniti.
2. Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program MDGM

## OBJEKTIF STRATEGIK

5 :

### *Mempertingkatkan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam Bagi Tujuan Mengekalkan Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan agenda perpaduan masyarakat	Mengaktifkan Jawatankuasa Keselamatan Daerah.  Menyediakan kemudahan sosial secara adil dan seimbang dengan taburan penduduk.	Indeks Jenayah  Tahap Kepuasan Pelanggan	Indeks jenayah menurun 20% setiap tahun  Tahap kepuasan melebihi 30% setiap tahun
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkemungkinan	Mewujudkan Mekanisme penyelarasan dengan agwensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta  Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan MD yang bersempadan	Tahap Kepuasan Pelanggan  Bilangan kerjasama strategik	Tahap kepuasan melebihi 30% setiap tahun  Peningkatan 20% bilangan kerjasama strategik tahun2015

## OBJEKTIF STRATEGIK

5 :

### *Mempertingkatkan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam Bagi Tujuan Mengekalkan Perpaduan Dan Keharmonian Masyarakat*

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Memperkuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program MDGM.	Mewujudkan Pusat Info dan Maklum Balas Komuniti  Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan program MDGM	Penyelesaian kes  Penyertaan komuniti	30% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan setiap tahun  30% penlibatan komuniti dalam perancangan program / aktiviti  60% penyertaan komuniti dalam program / aktiviti tahun 2015



# PETA STRATEGIK


Peta Strategi (Strategy Map) dapat memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

Peta Strategi ini dapat dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu, Perspektif Pelanggan yang mengandungi 5 strategi, Perspektif Kewangan mengandungi 2 strategi, Perspektif Proses Dalaman mengandungi 3 strategi manakala Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan mengandungi 4 strategi.

Strategi- strategi ini perlu dilaksanakan bagi menyamai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan kepada indikator yang telah ditetapkan.


# PETA STRATEGI MDGM 2009 - 2015

## PERSPEKTIF PELANGGAN




# PETA STRATEGI MDGM 2009 - 2015

## PERSPEKTIF KEWANGAN



# PETA STRATEGI MDGM 2009 - 2015

## PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



# PETA STRATEGI MDGM 2009 - 2015

## PERSPEKTIF PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN



# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

## *Pembangunan Modal Insan*

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan MDGM melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, metodologi penyelidikan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor mentee dan pengurusan pembangunan kerja akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja dalam menjalankan tugas MDGM.

## *Pengurusan projek*

Pengurusan projek akan diperkemaskan bagi memastikan projek-projek dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan agar memenuhi sasaran objektif yang ditetapkan. Pada masa yang sama sumber-sumber yang ada akan digembleng secara optimum bagi mencapai maksud ini.

## *Kapasiti Organisasi*

Kapasiti organisasi MDGM akan diperkukuhkan agar dapat menggerakkan tumpuan baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini disokong oleh organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, metriks dan berasaskan projek.

### *Penggunaan Teknologi ICT*

Kemudahan ICT yang ada perlu dimanfaatkan dengan cara pembelajaran berterusan dengan menghidiri kursus yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Ini kerana maklumat MDGM dapat disampaikan kepada pelanggan dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu dengan teknologi ICT, pelbagai maklumat akan kita perolehi jika pandai memanfaatkannya.

### *Kajian Semula Pelan Strategik*

Kajian semula pelan strategik MDGM akan dijalankan pada tahun 2015 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula akan mengambilkira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MDGM.

## MEKAMISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di MDGM memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 8 tahun ini. Strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti jadual di bawah:-

Bil.	Perkara	Tarikh Cadangan
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap 6 bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap 2 tahun
3.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2015

Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun . Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2015.

Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MDGM. Dalam pada itu, bagi mamantapkan tadir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan.



**Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi MDGM. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di bawah :-**

<b>JAWATAN</b>	<b>KEAHLIAN</b>
<b>Pengerusi</b>	<b>Yang Dipertua / Setiausaha</b>
<b>Setiausaha</b>	<b>Unit Pentadbiran</b>
<b>Ahli-ahli</b>	<b>Semua Ketua Unit</b>

**Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarasan utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik MDGM berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.**

# THE WAY FORWARD

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada tahun 2015, peranan MDGM diharap akan lebih meryerlah dalam aspek pengurusan dan pembangunan kawasan operasi dan pentadbiran.

Oleh kerana agenda pengurusan dan pembangunan kawasan operasi dan pentadbiran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 8 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik.

Akan tetapi perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan pentadbiran kawasan operasi dan pentadbiran MDGM berdasarkan kepada keperluan semasa .

Selepas tahun 2015, MDGM mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:-

- A. Menjadi agensi yang maju, makmur dan sejahtera di malaysia dalam kawasan operasi dan pentadbiran;
- B. Pengurusan kawasan operasi dan pentadbiran yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaras dan pusat rujukan di peringkat nasional;
- C. Dapat menyediakan semua perhidmatan teras dan sokongan pentadbiran kawasan operasi dan pentadbiran secara on-line.